

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]

SOALAN NO. 327

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pekerja tempatan dan asing dalam pembuatan, peladangan, pembantu rumah dari segi bilangan dan peratusan dalam setiap sektor tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan Statistik Pekerjaan dan Perburuhan oleh Kementerian Sumber Manusia Bagi Tahun 2018, maklumat pekerja tempatan dan pekerja asing dalam sektor pembuatan, perladangan dan pembantu rumah dari segi bilangan dan peratusan adalah seperti berikut:-

STATISTIK MENUNJUKKAN JUMLAH PENDUDUK BEKERJA MENGIKUT INDUSTRI DAN KEWARGANEGARAAN TAHUN 2018.

STATUS	JUMLAH (DALAM 000)	PERTANIAN, PERHUTANAN & PERIKANAN	PERLOMBONGAN dan PERKUARIAN	PEMBUATAN	PEMBINAAN	PERKHIDMTAN
TEMP	12592.5 (85.2%)	1077.9 (68.6%)	86.0 (94.6%)	1,965.4 (78.3%)	977.5 (77.7%)	8,494.8 (90.8%)
ASING	2,183.4 (14.8%)	492.4 (31.4%)	4.9 (54.4%)	543.5 (21.7%)	280.3 (22.3%)	862.3 (9.2%)
JUMLAH	14775.9 (100%)	1570.3 (100%)	90.9 (100%)	2508.9 (100%)	1257.8 (100%)	9357.1 (100%)

Nota: Sektor perladangan dikategorikan sebagai Pertanian, Perhutanan dan Perikanan.

2. Sektor pembuatan menyaksikan penglibatan 2, 508 900 orang pekerja. Dari bilangan tersebut pekerja tempatan mendominasi bidang berkenaan dengan penyertaan seramai 1,965 400 orang

SOALAN NO: 327

pekerja atau 78.3% berbanding hanya 543 500 atau 21.7% orang pekerja asing.

3. Bagi sektor perladangan pula, jumlah tenaga kerja yang aktif bergiat adalah seramai 1,570 300 orang. Pekerja tempatan mewakili 68.6% atau 1,077 900 orang manakala bilangan pekerja asing sektor tersebut adalah seramai 492 400 atau 31.4%.

4. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Jabatan Imigresen Malaysia bilangan pembantu rumah asing atau pekhidmat domestik asing terkini yang sedia ada digaji di seluruh negara adalah seramai 131,896 orang. Walau bagaimanapun statistik pembantu rumah tempatan tidak dapat diperolehi.